

ISI KANDUNGAN

1.0 ABSTRAK

2.0	LATAR BELAKANG KUMPULAN	Ahli Kumpulan Logo Kumpulan Carta Perbatuan Pelaksanaan Projek Jadual Perjumpaan Kumpulan
3.0	SIGNIFIKAN PROJEK	Kaitan dengan Visi, Misi, Peranan dan Dasar-dasar berkaitan Kesan Sekiranya Projek Tidak Dilaksanakan Analisa Data Terhadap Kaedah Konvensional Sasaran Outcome / Impak Projek
4.0	TINDAKAN PENYELESAIAN / PENGHASILAN INOVASI	Lakaran Prototaip Penghasilan Inovasi Pelaksanaan Inovasi
5.0	KEBERHASILAN PROJEK	Analisa Perbandingan Inovasi AR/C vs Kaedah Konvensional Semak Semula Sasaran Projek Jadual Analisa Outcome dan Impak Projek Perbandingan Inovasi dengan Kaedah Konvensional
6.0	POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK	Penyeragaman di Cawangan Lain Kekangan Projek Pembelajaran Diperolehi

1.0 ABSTRAK

Tajuk projek	: <i>Augmented Reality (AR) Interactive Collections</i>
Bidang inovasi	: Inovasi Perkhidmatan
Kategori inovasi	: Penambahbaikan
Tempoh projek	: Januari 2018 – Julai 2019

Setiap tahun, Pustaka Negeri Sarawak memperuntukkan kos untuk pembelian hasil seni para artis tempatan Sarawak, seperti lukisan, litograf dan artifak. Sebanyak lebih 300 buah hasil seni diletakkan di dalam Bilik Koleksi Khas, Pustaka Negeri Sarawak, Miri dan hanya akan dipamer mengikut jadual penggiliran yang ditetapkan. Secara purata, hanya 30 buah lukisan akan digantung pada setiap jangkamasa 6 bulan.

Oleh yang demikian, hanya sebahagian daripada koleksi lukisan pelukis tempatan Sarawak di Pustaka Negeri Sarawak digantung di dinding-dinding lobi dan sekitar ruang dalaman bangunan Pustaka bersama maklumat artis serta latar belakang lukisan tersebut pada satu-satu masa. Hal ini menyebabkan maklumat ini terhad diperolehi dan dicapai. Sekiranya pengguna ataupun orang awam berada di luar kawasan Pustaka ataupun lukisan yang berkaitan tidak dipamerkan, staf Pustaka memerlukan tempoh masa yang panjang untuk menyediakan maklumat yang diperlukan. Kesukaran ini secara tidak langsung membawa kepada karamnya gedung maklumat bersumberkan seni visual, khususnya lukisan. Seterusnya bidang seni ini cenderung untuk semakin tidak dipandang dan dianggap tidak penting dalam peradaban dunia.

Inovasi kami dalam menangani isu ini ialah membangunkan sebuah pangkalan data atas talian yang dinamakan *Augmented Reality Interactive Collections (ARIC)* dan berteknologi AR ke atas koleksi lukisan pelukis tempatan Sarawak yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak. Koleksi data yang berbentuk video penerangan latar belakang lukisan oleh para pelukis ini boleh diakses oleh pengguna dengan hanya menekan butang *Follow* pada id ARIC melalui aplikasi *HP Reveal* (*Google Play Store* atau *Apps Store*) dan imbas pada lukisan menggunakan telefon pintar atau lain-lain gajet.

2.0 LATAR BELAKANG KUMPULAN

Prodigy 6 telah ditubuhkan pada 8 November 2004 dan semenjak itu telah menyertai beberapa konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) dan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) di peringkat negeri serta kebangsaan. Kumpulan terdiri daripada enam (6) orang ahli yang merupakan staf Pustaka Negeri Sarawak, Miri, merangkumi Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Bahagian Perkhidmatan Teknikal.

2.1 AHLI KUMPULAN


Ketua Kumpulan : Norfaezan binti Abdul Jalil

Setiausaha : Zuwahir binti Ilias

Teknikal : Ahmad bin Samsudin | | Mohamad Awis bin Abu Bakar

Dokumentasi : Suzanna Abdullah | | Adelin binti Mohamad Adenan


CARTA ORGANISASI PRODIGY 6



2.2 LOGO KUMPULAN



2.3 CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN PROJEK




2.4 JADUAL PERJUMPAAN KUMPULAN

Perjumpaan kumpulan diadakan sebanyak dua (2) kali sebulan bermula Disember 2017 hingga Julai 2019 hanya dengan kehadiran kesemua ahli. Perbincangan diadakan secara visual (perjumpaan) mahupun maya (ruangan *chat* kumpulan).



3.0 SIGNIFIKAN PROJEK



- WHAT** Kesukaran mendapatkan maklumat berkenaan seni lukisan tempatan negeri Sarawak.
- WHO** Pengguna perpustakaan
- WHEN** Di dalam dan di luar waktu operasi Pustaka
- WHERE** Pustaka Negeri Sarawak, Miri
- WHY**
- a) Tidak banyak maklumat ditunjukkan pada Kad Katalog lukisan.
 - b) Tempoh pencarian / perolehan maklumat yang panjang.
 - c) Sukar bertemu para pelukis.
- HOW**
- a) Kad Katalog hanya memaparkan butiran seperti nama, media, artis (pelukis), saiz lukisan dan tahun sahaja.
 - b) Pengguna perlu mendapatkan bantuan pihak ketiga seperti staf Pustaka dan enjin carian.
 - c) Tidak semua pelukis menetap di Bandaraya Miri.

3.1 KAITAN DENGAN MISI & VISI JABATAN, PERANAN JABATAN DAN DASAR BERKAITAN

Visi

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.

Misi

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memulihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat Sarawak

Objektif

Mempromosi pembudayaan ilmu dalam negeri Sarawak

Falsafah

"Masyarakat berilmu dan berasaskan maklumat memerlukan forum untuk bertukar-tukar pendapat secara intelektual di kalangan masyarakat, sebuah pusat ilmu untuk minda dan idea disatukan, dan pengaksesan kepada maklumat, pengetahuan, teknologi dan budaya yang tidak dibatasi oleh sempadan geografi."

Peranan Pustaka Negeri Sarawak

- Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial negeri dan warganya.
- Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat negeri Sarawak.
- Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat, dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.

Prinsip Kualiti

5 kualiti asas sebuah perpustakaan digital yang moden adalah:

- Tempat simpanan bahan yang luas
- Merupakan pintu masuk ke alam ilmu dan maklumat
- Perkhidmatan dalam perpustakaan yang bergaris arus dan berautomasi
- Tanpa sempadan
- Tidak peka masa

**ACTION
28**

ARTS & CULTURE : Preserve the value of our heritage and culture physically and digitally to enhance tourism in Sarawak.

Programme Examples:

- To keep record digitally on all pictures, literatures, media on arts and cultures as our treasure.
- Old Kuching-Digital Heritage, AR/VR apps to recreate experience on heritage and culture.

Kaitan dengan Misi, Visi,

Objektif dan Falsafah

Pustaka


Kaitan dengan Peranan dan Prinsip Kualiti Pustaka

Kaitan dengan Sarawak


Digital Economy Strategy

2018 - 2022

3.2 KESAN SEKIRANYA TIDAK DILAKSANAKAN



3.3 ANALISA DATA TERHADAP KAEDAH KONVENSIONAL



Kumpulan kami menggunakan Portal Sarawakiana dan Kad Katalog sebagai perbandingan terhadap inovasi projek. Kami juga mengumpul pandangan para pengguna terhadap isu projek dan dimasukkan ke dalam Jadual *Point of View*.

a) Portal Sarawakiana (www.sarawakiana.com)



b) Kad Katalog (dilekatkan pada setiap lukisan yang digantung)




3.3.1 JADUAL POINT OF VIEW


Pengguna	Pandangan	Pemerhatian	Bantu
Nama : Khasfairena Umur : 32 tahun	Pencarian maklumat melalui enjin carian memakan masa yang lama serta proses kerja yang sukar dan panjang.	Pencarian lukisan secara rawak menggunakan kata carian nama artis menyebabkan masa yang diambil panjang.	Menambah butiran pada kad katalog lukisan agar lebih mudahkan pencarian menggunakan kata kunci yang tepat.
Nama : Mohamed Sobri Bin Abdulhan Umur : 34 tahun	Kurang mengenali pelukis tempatan tetapi tertarik dengan lukisan.	Minat terhadap lukisan ada tetapi kurangnya pendedahan terhadap bidang lukisan menyebabkan kurang pengetahuan tentang lukisan.	Menyediakan lebih banyak maklumat tambahan berkenaan lukisan dan artis tempatan.
Nama : Abdul Rashid Bin Yaakub Umur : 56 tahun	Tidak pernah mencari maklumat berkaitan lukisan kerana tidak mempelajari subjek berkenaan lukisan ketika bersekolah.	Tidak terfikir atau berminat untuk mendalami hasil seni lukisan kerana tiada latar belakang pendidikan yang berkaitan.	Mengadakan program-program berkaitan bidang seni lukisan agar dapat menjentik minat orang awam dari pelbagai latarbelakang pendidikan.
Nama : Siti Asmawaty Bt Ajek Umur : 36 tahun	Lukisan tidak dipromosikan dengan menarik.	Lukisan hanya digantung di dinding-dinding seperti perhiasan mengikut jadual berkala.	Menambah aktiviti promosi hasil lukisan kepada orang awam.

3.3.2 Analisa terhadap Tahap Kecekapan

Carta Alir Proses Kerja (Kad Katalog)




Carta Alir Proses Kerja (Portal Sarawakiana)



3.3.3 Analisa terhadap Tahap Kepuasan Pengguna

Borang Soal Selidik (*Google Form*) diedarkan kepada 25 orang responden yang terdiri daripada pengguna perpustakaan bermula 1 hingga 9 Mac 2018.

Portal Sarawakiana	Kad Katalog (Kaedah Konvensional)
Kesemua 25 orang responden tidak berpuas hati.	25 orang responden tidak berpuas hati.



3.3.4 Analisa terhadap Kos Penyediaan Kaedah Konvensional

Portal Sarawakiana	Kad Katalog (Kaedah Konvensional)
Menggunakan khidmat <i>Internal Developer</i> .	<ul style="list-style-type: none"> Kadbod bersaiz A3 RM 5.50 Kertas berwarna RM12.50 Kos Percetakan

3.3.5 Analisa terhadap Masa Pencarian Maklumat

(berdasarkan purata masa daripada 25 orang pengguna)

Portal Sarawakiana	Kad Katalog (Kaedah Konvensional)
Lebih 40 minit per lukisan.	Lebih 30 minit untuk pencarian di perpustakaan jika lukisan tidak dipamer di dinding.


3.3.6 Analisa terhadap Jumlah Tenaga Pekerja Digunakan

Pengiraan tenaga kerja adalah berdasarkan Carta Alir Proses Kerja di subtopik 3.2.1.


Portal Sarawakiana	Kad Katalog (Kaedah Konvensional)
Seorang (1) pengguna	Minimum 3 orang

Kategori	Bilangan minimum (orang)
Pengguna	1
Staf Perkhidmatan Maklumat	1
Staf Perkhidmatan Teknikal	1
JUMLAH :	3

3.4 SASARAN OUTCOME / IMPAK PROJEK




4.0 TINDAKAN PENYELESAIAN / PENGHASILAN INOVASI



Idea mewujudkan sebuah pangkalan data dalam talian (*online database*) menggunakan teknologi *AR* (*Augmented Reality*) melalui aplikasi *HP Reveal* tercetus ketika salah seorang ahli Prodigy 6, iaitu En. Ahmad bin Samsudin, menyediakan poster untuk dibentangkan di Persidangan Perpustakaan Sedunia. Walaupun berada jauh dari Bandaraya Miri, pengunjung dapat melihat sendiri tayangan video yang disertakan bersama aplikasi *AR* pada poster tersebut.

MATERIAL	CIRI-CIRI SISTEM
<ul style="list-style-type: none">• Kamera• Aplikasi <i>Final Cut Pro</i>• Aplikasi <i>HP Reveal</i>• Lukisan / Pelukis• Alat Peranti• Internet	<ul style="list-style-type: none">• Percuma• Mesra peranti (Android dan iOS)• Mesra pengguna• Memerlukan capaian internet• Boleh diakses di mana-mana sahaja• Tiada penggunaan kertas (<i>paperless</i>)

4.1 LAKARAN PROTOTAIP



- WHAT** Mewujud dan membangun akaun ARIC di aplikasi *HP Reveal* serta merakam video pelukis.
- WHO** Pembangun sistem : Ahmad bin Samsudin, dibantu oleh ahli kumpulan Prodigy 6
- WHEN** Mac 2018 – Jun 2018
- WHERE** Pustaka Negeri Sarawak, Miri
- HOW** (sila rujuk gambarajah di bawah)



4.2 PENGHASILAN INOVASI

Secara purata sesi rakaman mengambil masa selama 10 hingga 15 minit sahaja untuk sebuah lukisan. Bagi proses *editing* dan muat naik pula hanya memerlukan masa kurang daripada 30 minit untuk sebuah lukisan. Walaubagaimanapun, berikutan terdapat pelukis yang tinggal jauh dari Bandaraya Miri dan terdapat kekangan masa untuk berjumpa, menyebabkan tempoh penghasilan inovasi berlanjutan lebih panjang.

4.2.1 Dokumentasi & Rakaman Video


1. Mengenal pasti artis dan gambar dalam koleksi Pustaka Negeri Sarawak, Miri.
 - Terdapat lebih 300 buah lukisan yang dihasilkan oleh lebih 30 orang pelukis tempatan utara Sarawak.
2. Rakaman wawancara bersama artis (soalan asas);
 - a. Nama dan latar belakang artis
 - b. Tajuk lukisan
 - c. Di manakah lukisan tersebut dihasilkan
 - d. Cerita / Kisah di sebalik gambar
 - e. Peralatan / Media yang digunakan



(Sesi rakaman video bersama pelukis, Abdul Malek Adenan sedang dijalankan.)

3. Edit video rakaman menggunakan aplikasi *Final Cut Pro*.
4. Log masuk *Admin ARIC* pada aplikasi *HP Reveal*


5. Muat naik video rakaman yang telah diedit.




6. Simpan (Save).

4.2.2 Cara Penggunaan ARIC


1. Muat turun aplikasi *HP Reveal* dari *Google Playstore (Android) / Apps Store (iOS)*.



2. Mendaftar / Log Masuk.
3. Cari akaun ARIC melalui aplikasi tersebut dan tekan "Follow".



4. Posisikan alat peranti di atas lukisan untuk mengimbasnya.



5. Paparan video penerangan maklumat lukisan oleh pelukis.




4.2.3 Kertas Pamflet Penggunaan AR/C juga diletakkan pada lukisan.

ARIC

Augmented Reality (AR) Interactive Collections

HP Reveal

The first time you open the app, you will be asked to enable locations and create an account. You need to create an account to be able to follow our channel.



STEP 01



[ANDROID APP ON Google play](#)

[Available on the App Store](#)

STEP 02 Follow

Use the search field in the app to find our channel ID and click the FOLLOW button. Our ID name : ARIC





STEP 03 Camera

Tap the blue button at the bottom of the app to open the camera feature. Allow HP Reveal to access the camera to enable you to scan images.



STEP 04 Scan

Hold your phone over the image. The augmented reality content will appear in the app over the trigger image.



PRODIGY 6

17

AR – INTERACTIVE COLLECTIONS |

4.3 PELAKSANAAN INOVASI



WHAT	Melaksanakan penggunaan AR/C terhadap lukisan
WHO	Staf Pustaka & pengguna perpustakaan
WHEN	Julai 2018 – November 2018
WHERE	Pustaka Negeri Sarawak, Miri
WHY	Bagi mempromosi dan menggalakkan penggunaan ARIC dalam kalangan pengguna (berdasarkan dapatan pada Jadual POV).
HOW	a) Memberikan demonstrasi penggunaan kepada rakan staf dan pengguna perpustakaan



b) Mengedarkan kertas pamflet tatacara penggunaan ARIC

5.0 KEBERHASILAN PROJEK

5.1 ANALISA PERBANDINGAN INOVASI ARIC vs KAEDAH KONVENTSIONAL

Proses rakaman dan *video-editing* inovasi ARIC yang dilakukan sendiri oleh ahli-ahli Prodigy 6 menggunakan alatan pejabat (kamera) tanpa melibatkan kos lebihan seperti khidmat profesional luar telah memberikan pelbagai penjimatan dan peningkatan ke atas perbelanjaan serta perkhidmatan jabatan. Pengguna ARIC juga tidak lagi memerlukan bantuan daripada staf perpustakaan kerana hanya perlu mengimbas lukisan atau gambar lukisan menggunakan telefon pintar atau alat peranti sendiri walau di mana sahaja mereka berada tanpa perlu berada di hadapan fizikal lukisan tersebut.

Analisa perbandingan inovasi ARIC dan kaedah konvensional telah kami rumuskan seperti berikut:


5.1.1 Proses Kerja

SEBELUM		SELEPAS
Sarawakiana Portal	Konvensional (Kad Katalog)	ARIC
4 langkah asas Proses Kerja oleh pengguna.	6 langkah asas Proses Kerja oleh pengguna.	1 langkah Proses Kerja oleh pengguna.
Khidmat staf tidak diperlukan.	Seorang (1) staf dikhaskan menyediakan Kad Katalog setiap lukisan dan melekatkannya pada lukisan.	Khidmat staf tidak diperlukan.

5.1.2 Kos

SEBELUM		SELEPAS
Sarawakiana Portal	Konvensional (Kad Katalog)	ARIC
Menggunakan Tenaga Pakar.	<p>Kos Penyediaan Kad Katalog :</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadbad RM 5.50 • Kertas biru (kertas berwarna) RM12.50 • <i>Printing</i> 	Tiada (RM 0.00).

5.1.3 Kos Tidak Ketara (Rakaman & Video Editing)

KHIDMAT PROFESIONAL LUAR	PRODIGY 6
 <p>Berdasarkan sebutharga yang diperolehi :</p> <p>Kos upah = RM 2,500.00 / 10 buah lukisan</p> <p>Kos upah 300 buah lukisan = RM 2,500 x 30</p> <p style="text-align: right;">= RM 75,000</p>	<p style="text-align: center;">RM 0.00 (Penjimatan sebanyak RM 75,000.00)</p> <p style="text-align: center;">thumb up icon</p>


5.1.4 Kepuasan Pengguna (Soal selidik menggunakan Google Form ke atas 25 orang responden)

SEBELUM		SELEPAS
Sarawakiana Portal	Konvensional (Kad Katalog)	ARIC
100% responden tidak berpuas hati.	100% responden tidak berpuas hati.	100% responden berpuas hati.

The form includes a brief description about the objective of collecting feedback on the use of Augmented Reality Interactive Collections. The question asks if respondents are satisfied with AR usage for searching painting information in the Sarawak State Library, Miri. There are two options: 'Ya' (Yes) and 'Tidak' (No), with 'Ya' being the selected answer. A 'SUBMIT' button is at the bottom.

Adakah anda berpuas hati dengan penggunaan AR - Interactive Collections dalam pencarian maklumat lukisan di Pustaka Negeri Sarawak, Miri?

25 responses





5.1.5 Masa Pencarian Maklumat (berdasarkan purata masa daripada 25 orang pengguna)

SEBELUM		SELEPAS
Sarawakiana Portal	Konvensional (Kad Katalog)	ARIC
Lebih 40 minit per lukisan.	Lebih 30 minit untuk pencarian di perpustakaan jika lukisan tidak dipamer di dinding.	Kurang 1 minit sekiranya pengguna telah memasang aplikasi <i>HP Reveal</i> pada peranti / telefon pintar.

5.1.6 Tenaga Kerja

SEBELUM		SELEPAS
Sarawakiana Portal	Konvensional (Kad Katalog)	ARIC
Penyediaan Maklumat : Tenaga Pakar	Minimum 3 orang.	Pengguna sahaja.
Perolehan Maklumat : Pengguna		Pengguna boleh menggunakan telefon pintar sendiri untuk mengakses maklumat.

5.2 SEMAK SEMULA SASARAN PROJEK (CARTA ERRC)



5.3 JADUAL ANALISA *OUTCOME* DAN IMPAK PROJEK

ASPEK PERKHIDMATAN	OUTPUT	OUTCOME	IMPAK
Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak.	<p>Rakaman video pelukis tempatan untuk 130 buah lukisan dalam koleksi Pustaka Negeri Sarawak, Miri.</p> <p>(Setakat Julai 2019)</p>	Hanya 1 langkah Proses Kerja.	Peningkatan kualiti perkhidmatan.
		Kesemua 25 responden berpuas hati.	Peningkatan imej jabatan.
		Kos penyediaan RM 0.00	Penjimatan perbelanjaan pejabat.
		Masa pencarian dikurangkan daripada 40 minit kepada 1 minit.	Maklumat diperolehi pada bila-bila masa.
		Daripada 3 kepada 1 orang (pengguna).	Membentuk pengguna yang lebih berdikari.

5.4 IMPAK LAIN AR *INTERACTIVE COLLECTIONS*

JABATAN	Meningkatkan imej jabatan di persada dunia.
	Meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.
	Memenuhi misi, visi, objektif dan peranan jabatan.
PENGGUNA	Memupuk minat dan lebih menghargai seni lukisan.
	Mampu mengakses maklumat berkenaan lukisan tersebut di mana-mana juga.
STAKEHOLDER	Menjaga hakcipta dan harta intelek para pelukis tempatan Sarawak.
	Menaik taraf imej syarikat dan kualiti perkhidmatan.

Walaupun terdapat banyak idea berteknologi *Augmented Reality* di luar sana, tetapi idea seumpama *Augmented Reality Interactive Collections* ini merupakan yang

PERTAMA di Malaysia.

6.0 POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

ARIC boleh diaplikasikan di mana-mana galeri pameran jualan lukisan, di muzium dan juga arkib. Selain dapat digunakan untuk penjualan lukisan secara online, ARIC dapat membantu mempromosikan lukisan dari pelukis tempatan ke peringkat global. Pengguna dapat memperolehi informasi yang sahih dari pelukis itu sendiri hanya di hujung jari mereka. Informasi mengenai lukisan tersebut juga masih dapat dikekalkan walaupun pelukis tidak berada di lokasi pameran atau telah meninggal dunia.

Antara agensi luar yang berminat terhadap projek inovasi kami ialah :

- a) Persatuan Pelukis dan Seni Visual Miri
- b) Kementerian Pelancongan, Kesenian & Kebudayaan, Belia dan Sukan Sarawak

6.1 PENYERAGAMAN DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Penyeragaman ARIC akan dilakukan terhadap koleksi lukisan yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak, Sarawak Depository dan Pustaka Negeri Sarawak Sibu.

6.2 KEKANGAN PROJEK

- Kesukaran untuk menghubungi semula pelukis-pelukis tempatan adalah antara cabaran yang kami hadapi semasa membuat projek ini. Ada di antara pelukis berada di luar Kawasan Bandaraya Miri dan ada yang telah meninggal dunia.
- Terdapat juga pelukis yang sukar berhadapan dengan kamera semasa ditemubual (*camera shy*).
- Jadual bertugas ahli-ahli Prodigy 6 yang berbeza juga antara satu sebab menyukarkan perjumpaan kumpulan.
- Temujanji yang dibuat dengan pelukis juga sukar ditepati kerana bercanggah dengan kesesuaian masa mereka.

6.3 PEMBELAJARAN DIPEROLEHI

Dengan adanya AR/C, pengguna harus menyedari bahawa lukisan bukan sekadar hanya sebuah karya yang digantung di dinding sahaja sebagai perhiasan. Sebuah karya yang mengandungi intipati yang tersurat dan tersirat yang disampaikan oleh pelukis kepada masyarakat umum untuk dikaji dan dihargai nilai seninya. Harapan kami, generasi baru akan lebih menghargai lukisan selain mengenali dan mendekati pelukis secara virtual selari dengan saranan Kerajaan Negeri Sarawak menjadikan teknologi sebagai salah satu platform untuk memulihara dan memelihara khazanah negeri Sarawak.

6.4 PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada :

DR HJH RASHIDAH BT HJ BOLHASSAN
(Ketua Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak)

CIK HJH SALINA BT HJ ZAWAWI
(Pengurus Wilayah, Pustaka Negeri Sarawak, Miri)

UNIT PEMODENAN PERKHIDMATAN NEGERI
(Jabatan Ketua Menteri, Sarawak)

MALAYSIA PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC)

TAN WEI KHENG, ABDUL MALEK ADENAN, MARY ANNE VAZ, MEGES LAOI,
ABDUL KADIR BISNOOR, NOEL BELULOK, MICHAEL CHONG
(Artis / Pelukis)

Jawatankuasa Pemandu KIK, Pustaka Negeri Sarawak.

Cr. Ariffin bin Mohamad; atas nasihat dan bantuan.

Kakitangan Pustaka Negeri Sarawak.

LAMPIRAN

Surat Kelulusan & Penangguhan Projek



PRODIGY 6

Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)
Pustaka Negeri Sarawak, Miri
Jalan Kipar, Miri City Fair, 98000 Miri, Sarawak
Tel: 085-422325 Faks: 085-414444

Penuang	No. Rujukan :	(001) PUSTAKA MYY_PRODIGY6/2018
Puan Hjh Rashidah Haji Bolhassan	Tarikh :	17 Julai 2018
Ketua Pegawai Eksekutif		
Penasihat		
Cik Hjh Salina Haji Zawawi		
Pengurus Wilayah		
Pustaka Negeri Sarawak, Miri		
Ketua Kumpulan		
Norfaizan Abd Jalil	Melalui:	Encik Japni bin Bujang (M. nji)
Setiausaha		Jawatankuasa Penggerak KIK
Zawahir Ilias		Pustaka Negeri Sarawak.
Ahli		
Ahmad bin Samsudin		
Suzanna Abdullah		
Adlin Br Mohd. Adenan		
Mohd. Awis Bin Abu Bakar		

Tuan / Puan,

MEMOHON PENANGGUHAN PENYERTAAN KONVENSYEN KIK 2018

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa setelah melalui proses pemilihan masalah, kumpulan Prodigy 6 telah memilih tajuk seperti di bawah:

"Augmented Painting."

Namun begitu, kami memohon jasa dan pertimbangan tuan/puan untuk meluluskan permohonan penangguhan penyertaan kumpulan kami dalam Konvensyen KIK Horizon Baharu Zon Utara Sarawak 2018 atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Untuk makluman tuan/puan, penghantaran buku laporan projek KIK telah ditetapkan pada 30 Ogos 2018. Oleh itu, projek seharusnya telah siap dan lengkap diseragamkan di seluruh Pustaka Negeri Sarawak sebelum tarikh tersebut.

Disebabkan projek ini merupakan cadangan tajuk kedua yang dipilih setelah kami gagal meneruskan langkah penyelesaian tajuk yang pertama, Prodigy 6 menghadapi masalahkekangan masa dalam menyelesaikan projek menyebabkan ianya belum mencapai tahap matang untuk dibentangkan pada konvensyen nanti.

Kami masih perlu melengkapkan maklumat di dalam sistem yang dibangunkan serta melaksanakan langkah-langkah penyeragaman di seluruh Pustaka Negeri

*to discussed in the
meeting on 16/7/18 ad based
on the justifications, I
reported that request for
postponement of the project
request
for this year,
ICC conference
has been
forwarded to
2019.*

*To
Lili
17/7/18*

Prodigy6

CACTUS ID #: 20180717/017
SIRI / SERIES :

Sebutharga Khidmat Profesional Luar (mukasurat 1)



XYGRO ENTERPRISE - (MRI/2016/1551)

Address : Lot 2332, 1st Floor, Jalan, Datuk Muip, Bulatan Commercial Centre, Piasau Jaya Phase 2, Miri.
Contact No : +60168766488 Email : xygro.enterprise@gmail.com

To : Ms Norfaezan Abdul Jalil
Subject : Quotation for Videography & Editing Service
Event : **Interview Video**
Date of Quotation : 25th July 2019
Date of Event : TBA

QUOTATION: 25072019

No	Descriptions	Quantity	Total Price (RM)
1.	<p>Shooting Duration (3 hours)</p> <p>Number of Videographer, Editor: 1 Videographer 1 Editor</p> <p>Gear & Equipment:</p> <p>Camera Body: Sony A6500 Sony A6000 Nikon D7000 Nikon D7100 Nikon D750</p> <p>Lenses: Sigma 16mm F1.4 Sigma 30mm F1.4 Sony 18-105mm F4 OSS Sigma 50mm 1.4 Nikkor 85mm 1.8 Nikkor 35mm 1.8 Nikkor 50mm 1.4G Nikkor 28mm 1.8G Tokina 11-16mm</p>		

Sebutharga Khidmat Profesional Luar (mukasurat 2)



XYGRO ENTERPRISE - (MRI/2016/1551)

Address : Lot 2332, 1st Floor, Jalan, Datuk Muip, Bulatan Commercial Centre, Piasau Jaya Phase 2, Miri.
Contact No : +60168766488 Email : xygro.enterprise@gmail.com

Speedlight: Godox V1 Godox TT600 SB900 Gimbal: Moza Air 2 Gimbal Microphone & Recorder: Rode Videomic Go Zoom H1 audio recorder Submission Media: 64GB Pendrive Special T&C: 1. Edited video (duration of 4 to 5 minutes) of the interview and to be completed within 2 weeks after completion of shooting. (2 reviews). 2. All RAW video footages shall be the property of Pustaka Sarawak. (To be submitted on a 64GB Pendrive)	1	2,500.00
TOTAL		2,500.00

General T&C:

1. Validity : 14 days from the date hereof
2. Payment : CASH / CHEQUE
3. Deposit : 50% upfront payment for deposit
4. Settlement : Upon completion of work

Thank you.

for Xygro Enterprise,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Xygro Enterprise". Below the signature is a circular blue stamp with the text "XYGRO ENTERPRISE" around the perimeter and "MIRI" in the center.